

Penghuni rumah kongsi dalam bahaya

KUALA LUMPUR 6 Julai - Cadangan untuk tidak membenarkan rumah kongsi pekerja asing dalam kawasan tapak pembinaan merupakan langkah efektif bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan buruh binaan dan masyarakat setempat.

Pensyarah di Jabatan Sains Kemasyarakatan Dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Nobaya Ahmad berkata, bagi merealisasikan hasrat tersebut, majikan bertanggungjawab menyediakan keperluan pekerja termasuk penempatan bersesuaian, kemudahan asas dan persekitaran yang selamat walaupun bersifat sementara.

"Sebenarnya rumah kongsi sekarang ini yang dibina di tapak pembinaan kebanyakannya berada dalam keadaan kurang sempurna dan ada kalanya hanya menggunakan bahan-bahan terbuang. Situasi ini bukan sahaja mencacatkan pemandangan tetapi menyumbang kepada kesan lain.

"Dari segi keselamatan misalnya, pekerja yang tinggal di kawasan projek terdedah dengan bahaya kerana duduk berdekatan struktur bangunan belum siap dan dalam masa sama aspek kebersihan dan kesihatan juga boleh terjejas. Kadang kala, tandas dan bilik air tidak disediakan maka mereka mandi secara terbuka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, lebih membimbangkan, keadaan itu juga menyumbang kepada masalah kesihatan ekoran penyebaran wabak penyakit sama ada melalui air atau udara yang boleh memberi kesan bukan sahaja kepada mereka malah masyarakat sekeliling.

"Apabila tinggal dalam suatu kawasan yang tidak kondusif kepada persekitaran, penyakit mudah disebarluaskan apatah lagi jika mereka duduk secara bersesak di tempat sempit serta tidak dijaga dengan baik.

"Perkara ini perlu diberi perhatian serius. Dalam keadaan itu, kita juga tidak tahu sama ada wujud isu percampuran jantina dalam penempatan tersebut," katanya.

Sementara itu, Norbaya berkata, norma-norma sosial penduduk tempatan dan pekerja asing perlu dijaga untuk memelihara kesejahteraan persekitaran



Perkara ini perlu diberi perhatian serius. Dalam keadaan itu, kita juga tidak tahu sama ada wujud isu percampuran jantina dalam penempatan tersebut."

NOBAYA AHMAD

Pensyarah di Jabatan Sains Kemasyarakatan Dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia UPM

setempat bagi mengelakkan berlakunya peningkatan kadar jenayah disebabkan keadaan daif yang terpaksa ditempuh pekerja terbabit.

"Dalam konteks jenayah sebenarnya ada kaitan dengan isu jurang ekonomi, antara yang ada dan tidak ada. Persepsi bahawa kewujudan mereka menyumbang kepada faktor yang memungkinkan peningkatan jenayah di kawasan kediaman berhampiran itu memerlukan kajian mendalam. Tetapi ini tidak mustahil berlaku disebabkan faktor itu.

"Saya tidak kata mesti, tapi jika keperluan asas mereka tidak dititikberatkan, ada kemungkinan mereka yang berada berdekatan dengan kawasan yang baik berpendapat bahawa kehidupan kejiranan di situ lebih baik dan menjadi faktor pendorong sebagai satu lokasi mudah untuk mereka melakukan jenayah," katanya.